

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RMK 251 - Undang-Undang I

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja, termasuk SOALAN WAJIB.

BAHAGIAN A (Jawab TIGA Soalan Sahaja)

1. Maju Sdn. Bhd. telah membeli 10 buah kapalterbang dari Pengedar Sayang Sdn. Bhd. Maju Sdn. Bhd. menegaskan yang semasa perundingan, Pengedar Sayang telah berkata yang kapalterbang tersebut boleh mengangkut 200 penumpang dari Kuala Lumpur Ke New York tanpa henti.

Sehari selepas pernyataan tersebut dibuat kedua-dua syarikat tersebut telah menandatangani suatu perjanjian. Ternyata yang kapalterbang-kapalterbang tersebut hanya boleh mengangkut 150 orang disebabkan jumlah minyak yang diperlukan.

Nasihati Maju Sdn. Bhd.

(100 markah)

2. Kamal membuat perjanjian pada 5 November 1992 dengan John untuk menyewa kapal layar John pada cuti akhir penggal bulan Jun 1993. Pada bulan Mac, Kamal telah bersuara pada John, "bergantung kepada kesulitan wang saya disebabkan bil perubatan ibu mertua saya, saya ragu-ragu samada saya sanggup menyewa kapal awak". John tegas yang dia akan memegang Kamal kepada perjanjian mereka.

Pada bulan April 1993, kapal tersebut telah hilang dalam satu ribut.

Nasihati John. Adakah jawapan anda akan berkerja jika John telah membatalkan kontrak pada bulan Mac ?

(100 markah)

3. Salah satu keperluan dalam undang-undang salahnyata ialah salahnyata tersebut mestilah berkenaan fakta.

Huraikan dengan sepenuhnya ertikata " fakta " dan beri contoh-contoh bagi menjelaskan huraian kamu.

(100 markah)

4. Bolehkan sesuatu pihak yang telah

- a) melaksanakan sebahagian daripada kontrak memaksa perlaksanaan janji pihak yang lain ?
- b) Apakah bezanya jika kontrak tersebut adalah kontrak keseluruhan atau kontrak pecahan.

(100 markah)

5. BERSIH OTOMATIK SDN. BHD. menjalan perniagaan mencuci kereta dengan mesin pencuci di Tanjung Sepi. Salah satu pam air dalam mesin tersebut telah rosak. AIR DERAS SDN. BHD. telah memasuki perjanjian dengan BERSIH untuk menghantar pam baru pada 10hb. April 1993. Namun AIR DERAS hanya dapat menghantar pam pada 15hb. Mei 1993. Dalam pada itu, BERSIH telah kehilangan suatu kontrak lumayan untuk mencuci kereta yang tamat perlumbaan mencari harta karun(treasure) pada 1 dan 2hb. Mei 1993 sebanyak 150 buah.

Nasihati AIR DERAS. Adakah jawapan anda akan berbeza jika BERSIH kerap kali mendapat kontrak cuci kereta-kereta tamat perlumbaan kerana Tanjung Sepi kerap merupakan penghabisan perlumbaan mencari harta karun ?

(100 markah)

BAHAGIAN B - (Soalan ini WAJIB)

6. Siew Lan telah mengalami suatu kemalangan semasa bermain bola jaring disebabkan oleh kekasaran yang tidak sah oleh Mary. Di hospital, kaki Siew Lan dibalut dengan plaster. Selepas tiga minggu dan disebabkan kaki Siew Lan masih belum baik, Siew Lan telah berjumpa bomoh Ali untuk mengurut kakinya. Akibatnya, kaki Siew Lan semakin teruk. Apabila Siew Lan berjumpa pakar otopedik di klinik swasta, beliau diberitahu yang perubatan hospital adalah salah kerana sepatutnya pembedahan dijalankan dengan serta merta di hospital selepas Siew Lan jatuh.

Nasihati Siew Lan terhadap tindakan yang mungkin diambil terhadap Mary, hospital dan bomoh Ali dan liabiti masing-masing, jika ada.

(100 markah)